



25 April 2019
25 April 2019
P.U. (A) 117

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN
BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN DEBENTUR
RUNCIT DAN SUKUK RUNCIT) 2019

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON
ISSUANCE OF RETAIL DEBENTURE AND RETAIL SUKUK)
RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN DEBENTUR RUNCIT DAN SUKUK RUNCIT) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Terbitan Debentur Runcit dan Sukuk Runcit) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun taksiran 2020.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, hendaklah dibenarkan sebagai potongan suatu amaun bersamaan dengan jumlah amaun yang dinyatakan dalam subkaedah (6) atau (7), mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh syarikat itu ke atas terbitan—

(a) debentur runcit yang diluluskan atau dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];

(b) sukuk runcit yang distruktur menurut prinsip *Murabahah* atau *Bai' Bithaman Ajil* (berasaskan konsep *Tawarruq*), *Mudharabah*, *Musyarakah*, *Istisna'* atau mana-mana prinsip Syariah selain prinsip yang disebut dalam perenggan (c), yang diluluskan atau

dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

(c) sukuk runcit yang distruktur menurut prinsip *Ijarah*, atau *Wakalah* yang terdiri daripada komponen gabungan aset dan hutang, yang diluluskan atau dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(2) Perbelanjaan tambahan yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

(a) fi profesional yang berhubungan dengan usaha wajar, pengubalan dan penyediaan prospektus;

(b) kos percetakan prospektus;

(c) kos pengiklanan prospektus;

(d) fi pendaftaran prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

(e) fi pemprosesan dan fi penyenaiaan awal Bursa Malaysia;

(f) fi pengkreditan terbitan baharu Bursa Malaysia; dan

(g) fi pengagihan utama.

(3) Debentur runcit yang disebut dalam perenggan (1)(a) ialah apa-apa debentur yang diterbitkan atau ditawarkan kepada pelabur runcit dan termasuklah debentur yang suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli debentur diterbitkan kepada pelabur runcit.

(4) Sukuk runcit yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan (c) ialah apa-apa sukuk yang diterbitkan atau ditawarkan kepada pelabur runcit dan termasuklah sukuk yang suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sukuk diterbitkan kepada pelabur runcit.

(5) Pelabur runcit yang disebut dalam subkaedah (3) dan (4) ialah mana-mana orang selain—

(a) Bank Negara Malaysia yang disebut dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701];

(b) orang yang kepadanya suatu penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 6 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

(c) orang yang kepadanya suatu terbitan terkecuali dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 7 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(6) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(a) atau (b) hendaklah bersamaan dengan dua kali amaun perbelanjaan tambahan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(7) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(c) hendaklah bersamaan dengan amaun perbelanjaan tambahan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(8) Dalam kaedah ini—

“debentur runcit” mempunyai erti yang diberikan kepada takrif “debentur” dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

“sukuk runcit” mempunyai erti yang diperuntukkan dalam garis panduan yang berhubungan dengan sukuk runcit yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah seksyen 377 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Dibuat 22 April 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)JLD.17 LHDN.AY.A600-12/1/7(29)-8; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON ISSUANCE OF RETAIL DEBENTURE
AND RETAIL SUKUK) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) and paragraph 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenditure on Issuance of Retail Debenture and Retail Sukuk) Rules 2019**.

(2) These Rules have effect for the years of assessment 2019 and 2020.

Deduction

2. (1) For the purposes of ascertaining the adjusted income of a company resident in Malaysia from its business for the basis period for a year of assessment, there shall be allowed as a deduction an amount equivalent to the total amount specified in subrule (6) or (7), as the case may be, in respect of the additional expenses incurred by the company on the issuance of—

(a) a retail debenture approved or authorized by the Securities Commission Malaysia under the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671];

(b) a retail sukuk structured pursuant to the principle of *Murabahah* or *Bai' Bithaman Ajil* (based on the concept of *Tawarruq*), *Mudharabah*, *Musyarakah*, *Istisna'* or any Shariah principle other than the principle mentioned in paragraph (c), approved or authorized by the Securities Commission Malaysia under the Capital Markets and Services Act 2007; and

(c) a retail sukuk structured pursuant to the principle of *Ijarah*, or *Wakalah* comprising a mixed component of asset and debt, approved or authorized by the Securities Commission Malaysia under the Capital Markets and Services Act 2007.

(2) The additional expenses referred to in subrule (1) shall be—

(a) the professional fee relating to due diligence, drafting and preparation of prospectus;

(b) the printing cost of prospectus;

(c) the advertisement cost of prospectus;

(d) the Securities Commission Malaysia prospectus registration fee;

(e) the Bursa Malaysia processing fee and initial listing fee;

(f) the Bursa Malaysia new issue crediting fee; and

(g) the primary distribution fee.

(3) The retail debenture referred to in paragraph (1)(a) shall be any debenture that is issued or offered to a retail investor and includes a debenture where an invitation to subscribe or purchase the debenture is issued to the retail investor.

(4) The retail sukuk referred to in paragraphs (1)(b) and (c) shall be any sukuk that is issued or offered to a retail investor and includes a sukuk where an invitation to subscribe or purchase the sukuk is issued to the retail investor.

(5) The retail investor referred to in subrules (3) and (4) shall be any person other than—

- (a) the Central Bank of Malaysia referred to in the Central Bank of Malaysia Act 2009 [Act 701];
- (b) a person to whom an excluded offer or excluded invitation is made as specified in Part I of Schedule 6 to the Capital Markets and Services Act 2007; and
- (c) a person to whom an excluded issue is made as specified in Part I of Schedule 7 to the Capital Markets and Services Act 2007.

(6) The total amount of deduction allowed under paragraph (1)(a) or (b) shall be equivalent to twice the amount of additional expenses allowed under these Rules.

(7) The total amount of deduction allowed under paragraph (1)(c) shall be equivalent to the amount of additional expenses allowed under these Rules.

(8) In this rule—

“retail debenture” has the meaning assigned to the definition of “debenture” in the Capital Markets and Services Act 2007;

“retail sukuk” has the meaning as provided in the guidelines relating to retail sukuk issued by the Securities Commission Malaysia under section 377 of the Capital Markets and Services Act 2007.

Made 22 April 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)JLD.17 LHDN.AY.A600-12/1/7(29)-8; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]